



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI JPJ KE-77, “DIGITALISASI KEBITARAAN JPJ”

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, hari ini telah mengadakan Majlis Perasmian Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-77 (SHJ77), bagi membaharui komitmen dan iltizam Jabatan melalui pemahaman sejarah penubuhan JPJ ini, yang mana ini merupakan pra syarat dalam memperkasakan lagi kualiti kecemerlangan perkhidmatan yang berlandaskan kepada prinsip atau keutamaan kepada rakyat (*people-centric*). Majlis SHJ77 ini telah disempurnakan oleh **YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia** di Dataran Centrio, Seremban 2, Negeri Sembilan, pada 14 Mei 2023 (Ahad).

Sambutan ini juga bertujuan untuk memugar dan menggilap kembali semangat madani melalui menghargai sumbangan kepada seluruh warga JPJ yang telah berbakti dengan cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan, menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturan jalan raya di samping advokasi keselamatan jalan raya, ke arah memacu sistem pengangkutan jalan yang lestari, hijau dan selamat di Malaysia.

Bertemakan “**Digitalisasi Kebitaraan JPJ**”, JPJ telah tampil dengan tamsilan agenda pendigitalan yang berbeza yang dizahirkan melalui elemen naratif perkhidmatan *end to end* (E2E) sebagai tatakelola JPJ yang bersifat komprehensif, untuk memperkukuh dan memperkasakan citra perkhidmatan menjadi penanda aras terbaik kepada rakyat. Gagasan pendigitalan JPJ ini telah dilakarkan pada kanvas **Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) JPJ 2021-2025**, yang selari dengan **Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030**, merangkumi pengurusan infrastruktur ICT, sistem operasi, tadbir urus dan kompetensi bagi memastikan aspek penyampaian perkhidmatan JPJ adalah holistik dan mampan kepada seluruh rakyat.

Pada Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ Ke-77 ini, JPJ telah memperkenalkan dan menambahbaik **beberapa inisiatif pendigitalan** kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang merangkumi produk **e-Book Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP)**, **JPJeID** dan **JPJ Mobile** serta pelancaran **Nombor Pendaftaran Kenderaan Siri Putrajaya (FF)**.

Sayugia dimaklumkan bahawa penganjuran Sambutan Ulang Tahun Hari JPJ pada kali ini juga ditampikan dengan pengisian **Karnival SHJ77** selama tiga (3) hari, bermula 12 – 14 Mei 2023, menerusi pelbagai aktiviti untuk rakyat seperti **Pemeriksaan Kenderaan Secara Percuma (Pemeriksaan Kenderaan PG10/ Pemeriksaan Kenderaan oleh PUSPAKOM)**, **Penukaran Minyak Enjin Motosikal Secara Percuma**, **Perkhidmatan Kerajaan melalui Kaunter Bergerak (JPJ, PDRM, JPN dan KKM)**, **Jualan Nombor Pendaftaran Kenderaan**, **Pameran Teknologi**

***Automotif/ Recreational Vehicle (RV), Pameran Kenderaan Baharu dan
Jualan Food Truck.***

Akhirul kalam, sempena SHJ77 ini, JPJ ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua rakyat Malaysia-Madani, yang telah menzahirkan semangat kebersamaan dan keserakanan yang menjadi cerminan dan refleksi kepada perkhidmatan JPJ yang lestari dan berintegriti selari dengan hasrat Kerajaan ke arah menjadikan JPJ sebagai agensi pengurusan penguatkuasaan bertaraf dunia menjelang 2030.

Sekian, terima kasih

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

14 MEI 2023

[TAMAT]